



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 48/2010

Semua
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Dekan Fakulti
Pengarah Kampus
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Assalamualaikum warahmarullahi wabarakatuh

Y. Bhg. Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan

PERMOHONAN BAJET PERJAWATAN DI BAWAH ANGGARAN BELANJA MENGURUS (ABM) TAHUN 2012

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa Unit Perancangan Guna Tenaga, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar akan melaksanakan proses Permohonan Bajet Perjawatan Fakulti/Pusat/Bahagian/Unit dan Kampus Cawangan di bawah Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Tahun 2012.

Pemeriksaan/audit bajet perjawatan 2012 akan dilaksanakan pada bulan Januari 2011 oleh pihak pengurusan UiTM sebelum permohonan tersebut dikemukakan dan dibentangkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk tujuan pemeriksaan/audit perjawatan bagi mendapatkan kelulusan peruntukan tambahan perjawatan UiTM.

Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan / Ketua Bahagian / Ketua Unit / Dekan Fakulti / Pengarah Kampus diminta untuk menyediakan dan mengemukakan Permohonan Bajet Perjawatan Jabatan/Bahagian/Unit/Fakulti dan Kampus Cawangan masing-masing bagi tahun 2012.

Penyediaan permohonan bajet perjawatan bagi tahun 2012 hendaklah disediakan mengikut format dan melengkapkan borang-borang justifikasi permohonan yang telah ditetapkan. (Panduan permohonan bajet perjawatan dan borang-borang justifikasi permohonan boleh dimuat turun daripada laman web Pejabat Pendaftar di alamat <http://pendaftar.uitm.edu.my/>)

Permohonan bagi jawatan teknikal di Bahagian Pengurusan Fasiliti Kampus Cawangan hendaklah dikemukakan terus kepada Pejabat Pengurusan Fasiliti, UiTM Shah Alam sepertimana dijelaskan dalam Pekeliling Naib Canselor Bil.27/2006 bertarikh 21 September 2006 - Keperluan Staf Perkhidmatan Fasiliti UiTM. Sementara itu, permohonan jawatan teknologi maklumat (ICT) hendaklah dikemukakan kepada Pusat Sistem Maklumat Bersepadu (PSMB) UiTM Shah Alam.

Satu (1) salinan permohonan jawatan-jawatan teknikal dan teknologi maklumat (ICT) hendaklah di kemukakan kepada Unit Perancangan Guna Tenaga (UPGT), Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar.

Oleh yang demikian, semua permohonan bajet perjawatan tahun 2012 hendaklah dikemukakan ke Unit Perancangan Guna Tenaga, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar sebelum atau pada **1 Disember 2010** berserta dengan :-

- a. Salinan asal bercetak
- b. Salinan asal dalam bentuk *Soft copy* (CD)

Permohonan yang tidak lengkap dan tidak mengikut format yang telah ditetapkan serta lewat diterima daripada tarikh yang telah ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.

Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof./tuan/puan dalam penyediaan Permohonan Bajet Perjawatan 2012 yang lengkap serta mengikut format yang ditetapkan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

Wassalam.

Yang benar



DR. HAJAH ZAHRAH MOKHTAR
Pendaftar

Surat kami : 100-BPD(PTA.6/3)
Tarikh : 1 Oktober 2010